

Yang Berbahagia Datin Salasiah Binti Idris  
Selaku Ketua WHIP

Yang Dihormati En Lio Kwang Meng  
Selaku Timbalan Ketua WHIP

Yang Berusaha En Mohd Hisham Bin Said  
Setiausaha Majlis Daerah Kota Tinggi

Yang Dihormati  
Ahli-Ahli Majlis Daerah Kota Tinggi  
Ketua-Ketua Jabatan

Tidak Dilupakan  
Barisan Pemerhati Majlis Daerah Kota Tinggi

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi , Salam Sejahtera dan Salam Muafakat Johor dan salam sehati sejiwa.

Izinkan saya memulakan ucapan dengan serangkap pantun

***Bendera berkibar di rumah Pak Agos  
Di halaman rumah pasang pelita  
Menjelang tiba Tiga Puluh Satu Ogos  
Tarikh kemerdekaan Negara kita***

Para Ahli Mesyuarat yang di hormati,

1. Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi pada tahun ini kita berpeluang menikmati kebebasan, ketenteraman dan hidup secara harmoni. Dapat menghirup udara segar dengan damai setiap pagi merupakan sesuatu yang kita harus hargai. Pada zaman sekarang erti kemerdekaan bukan sekadar bebas daripada penjajahan secara fizikal semata mata tetapi kita harus sentiasa berwaspada dan menghindari penjajahan mental melalui pengaruh-pengaruh negative serta amalan-amalan yang merosakkan Negara kita.
2. Sempena dengan bulan kemerdekaan, pelbagai aktiviti berkaitan Kemerdekaan telah di atur. Di antara aktiviti yang telah di dilaksanakan ialah Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Daerah Kota Tinggi di Dataran Jam Kota Tinggi pada 17hb Ogos yang lalu. Selain itu, hari ini pula iaitu pd 29hb akan di adakan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil Dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Hari kebangsaan di Masjid Alhadi Kg Makam. Manakala pada malam menjelang hari Kemerdekaan Majlis Ambang Merdeka Peringkat Daerah Kota Tinggi akan di adakan bertempat Di Dataran Jam Bandar Kota Tinggi dan Kemuncak Sambutan hari kemerdekaan Majlis Perbarisan Dan Perarakan Hari Kebangsaan akan berlangsung Di Padang Awam Bukit Kerajaan. Semoga dengan kehadiran tuan/puan dalam majlis-majlis daerah dapat menyerikan lagi suasana.

***Sungguh riang anak Palembang  
Mengayuh sampan sambil berdendang  
Syair disebut nada terbilang  
Selamat datang kami ucapkan***

3. Dalam bulan Ogos ini, Daerah Kota Tinggi telah dikunjungi oleh 2 orang pemimpin yang amat kita kasihi iaitu YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Abd Razak Perdana Menteri Malaysia dan YAB Menteri Besar Johor Dato' Mohammad Khaled Nordin dalam sesi lawatan mereka ke Kota Tinggi. Lawatan Rasmi YAB Menteri Besar Johor dan Ahli Lembaga Pengarah Ke Bio Desaru-Lembah Makanan Organik Bio Desaru, KM 20 Jln Tg Balau-Tg Sedili 81930 Bandar Penawar, Johor telah diadakan pada 4hb Ogos yang lalu, pada masa yang sama Majlis Jamuan hari raya MDKT juga telah diadakan. Terima kasih kepada semua yang hadir bersama Keluarga dalam sambutan hari raya ini. Majlis diserikan lagi dengan Tetamu terhormat YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Datuk Haji Abd Latif Bin Haji Bandi.
4. Majlis Perasmian Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kota Tinggi serta Jamuan Raya Sempena Aidilfitri Bersama YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Abd Razak Perdana Menteri Malaysia di Dataran Sedili Besar telah berlangsung pada 14hb Ogos yang lalu. Terima kasih diucapkan kepada kedua-dua pemimpin yang sudi menjejakkan kaki ke bumi Kota Tinggi yang bersejarah ini.

Para Ahli Mesyuarat yang di kasihi,

5. Untuk makluman semua pada 7hb Ogos yang lalu satu Konvensyen Ahli-Ahli Majlis, Datuk Bandar, YDP Dan Setiausaha PBT Negeri Johor sesi 2016-2017 Di Persada Konvensyen Centre yang di sempurnakan oleh YAB Menteri Besar Johor. Dalam ucapan beliau, Dato' Khaled Nordin telah mengariskan 5 saranan semasa Konvensyen Tersebut kepada PBT seluruh Johor. Saranan-saranan tersebut adalah
  1. PBT merupakan Pusat Pembangun Modal Insan
  2. PBT perlu fokus pada peningkatan dalam inovasi dan kreativiti
  3. PBT perlu mempunyai Strategi Pengukuhan Kewangannya yang tersendiri
  4. PBT harus mewujudkan persekitaran lestari dalam masyarakat
  5. PBT perlu mempunyai system komunikasi menyeluruh dan berkesan.

YAB Menteri Besar menerangkan bahawa motif utama saranan-saranan yang digariskan ialah agar Rakyat dapat merancang masa depan dengan lebih baik kerana memahami aspirasi dan apritasi Kerajaan.

***Tanah merah tanah liat  
Buat menimbun tambak negeri  
Antara pemerintah dengan rakyat  
Muafakat bersama harus dicari.***

6. Alam sekitar adalah anugerah Tuhan yang amat bernilai kepada kesejahteraan kehidupan. Manusia banyak bergantung kepada sumber-sumber semulajadi di muka bumi ini. Allah telah mencipta alam ini seimbang untuk kemakmuran manusia. Bumi yang luas dijadikan tempat tinggal manusia, gunung-gunung sebagai pemasak bumi, tumbuh-tumbuhan sebagai sumber makanan dan ubatan kepada kehidupan, demikian juga dengan pelbagai jenis haiwan dan hidupan di lautan. Alam sekitar yang tidak tercemar memberikan kita suasana yang selesa dan menyamankan. Atas dasar tersebut pada 14hb Ogos yang lalu Majlis Perasmian Pelaksanaan Gerak Kerja Rakan Taman di Di Tmn Komuniti Desa Sejahtera telah diadakan. Majlis telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri KPKT, Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique.
7. Pelaksanaan Rakan Taman ini telah diadakan diseluruh Negara Pada 13 Ogos 2016 yang lalu dan beberapa aktiviti dirangka bagi tujuan pengisian program Rakan Taman. Aktiviti seperti Gotong-Royong Membersihkan Taman Secara Berkala serta melaksanakan aktiviti-aktiviti riadah bagi mengimarah, menjaga, memulihara serta melindungi taman awam, merupakan langkah bagi menggerakkan penglibatan komuniti. Ianya juga merupakan salah satu teras transformasi PBT dan merupakan satu kaedah penyampaian pihak berkuasa tempatan kepada rakyat.

Rakan Taman ditubuhkan adalah bertujuan untuk

Memberikan Kesedaran Kepada Ahli Rakan Taman Dan Masyarakat Bahawa Betapa Pentingnya Menjaga Kebersihan Persekitaran Kawasan Kejiranan.

- Memupuk Kecintaan Dan Tanggungjawab Di Dalam Memelihara Dan Menyelenggara Kawasan Landskap.
- Mendidik Masyarakat Supaya Mengamalkan Sikap Gotong-Royong Sesama Penduduk Setempat.
- Integrasi Pelbagai Kaum Dapat Dikukuhkan.
- Mengeratkan Kerjasama Antara Agensi Kerajaan Dan Masyarakat Di Dalam Program Kesukarelawan.

Ucapan setinggi tinggi terima kasih kepada semua yang bertungkus lumus menjayakan majlis ini.

***Daun selasih di tepi sumur  
Di petik sudah si anak pertapa  
Negara bersih rakyatnya makmur  
Persekitaran indah tanggungjawab bersama***

Sebelum saya akhiri ucapan saya pada hari ini izinkan saya berkongsi sedikit kata-kata mutiara untuk kita renungkan.

Tanggungjawab adalah karakter utama seorang pahlawan, seorang teladan, orang berjaya, orang bijak, orang baik dan segala jenis orang yang anda kagumi. Jadikan sifat tanggungjawab sebagai salah satu pegangan prinsip hidup kita semua.

Semoga Johor, khususnya Kota Tinggi lebih Inklusif, Lestari dan Sejahtera

Saya Akhiri Ucapan Saya Dengan, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum, Warohmatullahi wabarakatuh, Salam Muafakat Johor dan Salam Sejahtera.